

08 FEB 2001

Musa-Nisbah

KEMENTERIAN TETAPKAN NISBAH PEMEGANG IJAZAH DAN BUKAN IJAZAH

BUTTERWORTH, 8 Feb (Bernama) -- Kementerian Pendidikan berusaha untuk menetapkan nisbah seorang pemegang ijazah kepada dua pemegang diploma atau sijil kemahiran (1:2) bagi mewujudkan sistem pekerjaan dan sokongan pekerjaan yang mantap di negara ini pada masa akan datang.

Menteri berkenaan Tan Sri Musa Mohamad hari ini berkata nisbah yang sesuai perlu dicapai bagi memenuhi keperluan industri negara supaya sistem pekerjaan dan sokongan pekerjaan setanding dengan negara maju.

Katanya melalui penetapan nisbah ini, negara dapat mengeluarkan kakitangan teknikal dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan pembangunan sektor industri dan perdagangan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil MS ISO 9002 kepada Bahagian Pengurusan Politeknik dan 12 Politeknik di sini, beliau berkata tumpuan itu merupakan sebahagian daripada misi Kementerian dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan (RMK-8 dan RMK-9).

Katanya nisbah antara pemegang ijazah dan diploma atau sijil kemahiran kini berada pada tahap 1:1 dan keadaan ini perlu diperbaiki berikutan perkembangan era k-ekonomi.

Musa berkata lebih banyak institusi pendidikan yang memberi perhatian kepada latihan kemahiran di peringkat diploma dan sijil seperti politeknik, kolej komuniti, kolej universiti dan kolej swasta, perlu diwujudkan bagi mencapai nisbah itu.

Katanya kini terdapat 12 buah politeknik di negara ini dan sebanyak 11 buah lagi sedang dibina dan dijangka beroperasi sebelum tamat tempoh RMK-8 iaitu Politeknik Tanjung Malim, Kota Kinabalu, Kulim, Merlimau, Dungun, Perlis, Muadzam Shah, Sabak Bernam, Pulau Pinang, Mersing dan Politeknik Miri.

"Dengan beroperasinya politeknik baru itu kelak, jumlah pengambilan pelajar dapat ditingkatkan daripada 44,562 orang tahun lalu kepada 121,280 orang pada 2010 dan dapat menyediakan sumber tenaga manusia yang mencukupi menjelang tahun 2020 nanti," katanya.

Selain penubuhan politeknik, Musa juga berkata dua buah kolej universiti yang menawarkan kursus dalam bidang teknik telah ditubuhkan iaitu masing-masing sebuah di Melaka dan Batu Pahat yang dijangka beroperasi mulai Julai ini.

Kementerian juga sedang menimbang untuk menubuhkan dua lagi kolej universiti iaitu di Pahang dan Perlis selain menyediakan kemudahan infrastruktur di universiti biasa.

Beliau juga berkata universiti baru tetap akan diwujudkan walaupun lebih banyak institusi pendidikan seperti politeknik dibuka pada masa akan datang.

-- BERNAMA

ZU LAT